



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 30/2020**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(a)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PENOLONG PENGARAH (KUMPULAN 2)
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS & TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====
Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PENOLONG PENGARAH
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS & TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KUMPULAN 2 (\$5,400 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang berikut atau bidang bersesuaian:

- Aeroangkasa (*Aeronautical Engineering*);
- Ekonomik;
- Kejuruteraan Robot / Mekatronik (*Robotics / Mechatronics*);
- Kecerdasan Pembuatan / Analitik Data (*Artificial Intelligence / Data Analytics*);
- Kejuruteraan Bahan (*Materials Engineering*);
- Kejuruteraan Mekanikal (*Mechanical Engineering*);
- Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik (*Electrical and Electronics Engineering*);
- Matematik;
- Pemodelan dan Simulasi (*Modelling and Simulation*);
- Pembentukan dan Integrasi Sensor (*Sensors Development and Integration*);
- Rekaan Produk (*Product Design*);
- Sains;
- Strategik.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. a) Telah berkhidmat di Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains & Teknologi, Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji B.3 tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.



3. Hendaklah terlebih dahulu menyediakan **dua (02)** kertas kerja yang asli (*original*) yang memuaskan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut, dalam dua daripada bidang-bidang berikut sebagai satu penilaian kenaikan pangkat:
- i) Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam.
 - ii) Kertas Kedudukan Pendirian Negara (Position Paper) bagi mesyuarat di luar Negara.
 - iii) Kertas Penggubalan / Penelitian Dasar berkaitan dengan bidang ekonomi / pendidikan / politik.
 - iv) Kertas Kerja yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

Kertas Kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan di Kementerian masing-masing sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.


4. Mempunyai kemahiran dalam pengurusan dan perancangan kejuruteraan dan sistem kejuruteraan dalam pengurusan dan perolehan.
5. Mempunyai kemahiran dalam pengurusan, merancang dan menyelaras projek kaji selidik.
6. Mempunyai kemahiran dalam perancangan laporan saintifik / strategik dan mempunyai tahap komunikasi yang baik.
7. Berkemahiran, berpengetahuan dan berpengalaman dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan dasar terutama sekali dalam bidang pengurusan projek dan penyelidikan.
8. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Sebagai penyumbang dan pegawai kanan strategik bagi keseluruhan am nya, termasuk penyelidikan dan pengurusan projek.



2. Membantu dan menyediakan buah fikiran strategik kepada Pengarah Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi dalam membuat dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti berikut:
- i) Menyumbang kepada pengolahan dasar-dasar dan proses-proses bagi perolehan dan pengurusan jangka hayat sistem-sistem pertahanan dengan menggunakan praktis-praktis terbaik dan memaksimakan nilai.
 - ii) Membantu ke atas pengurusan strategik dan pengendalian projek-projek perolehan bagi sistem keupayaan pertahanan yang kompleks. Menolong menyediakan laporan-laporan dan khidmat nasihat kepada peringkat eksekutif tertinggi berhubung dengan isu perekonomian hal-ehwal perolehan sistem kompleks tersebut.
 - iii) Menyumbang khidmat kemahiran kejuruteraan sistem dan kemahiran bidang teknikal yang lain kepada unit-unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi sistem-sistem sedia ada.
 - iv) Bertindak menolong pengurusan pengintegrasian sistem-sistem baru dengan sistem-sistem pertahanan legasi.
 - v) Menolong menguruskan strategik bagi projek-projek penyelidikan saintifik dan usahasama dengan institusi pengajian tertinggi, akademi-akademi dan pusat-pusat penyelidikan luar, dalam bidang penyelidikan.
 - vi) Membantu menguruskan kemahiran-kemahiran saintifik teknikal dan komersil yang perlu bagi menjalankan / melaksanakan tanggungjawab perolehan sistem kompleks dan kajiselidik saintifik.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian I

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik (dokumen asli)** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';

✓

Kad pengenalan dan Lesen Memandu (Jika berkenaan)

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf

✓

Sijil-sijil tertinggi/professional serta KELULUSAN TRANSKRIP sepertimana yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan pengesahan pengiktirafan kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



		Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
		BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
Field					
BUSINESS ADMINISTRATION					
+ Add					

- Pengesahan mengenai dua kertas kerja yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kertas Kerja.pdf

- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.
- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).



My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	

✓

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat di atas telah dimuat naik sepanjang pengetahuan saya dan semua dokumen yang dikemukakan adalah salinan yang benar bagi dokumen asal. Apa-apa dokumen palsu, maklumat yang mengelirukan dan tidak lengkap akan menyebabkan permohonan saya ditolak.